

03/02/2003

Ancaman along tiada kesudahan

Anuar Ahmad

PADA akhir tahun lalu, kita digemparkan dengan pelbagai cerita buruk ceti haram atau along menganiaya peminjamnya.

Perkara itu menjadi isu nasional pada masa itu disebabkan seorang menteri membangkitkannya. Berikutan itu, pelbagai pihak memberi pandangan dan cadangan masing-masing yang mahukan kegiatan itu dibanteras dan mereka yang terbabit dengannya dikenakan tindakan.

Namun, apa yang pasti sekarang, belum ada tanda-tanda kegiatan along dapat dikurang, apatah lagi dihapuskan.

Along masih bermaharajalela memeras orang ramai yang dalam kesusahan. Nampaknya, apa yang dicadangkan sebelum ini bagaikan hangat-hangat tahi ayam.

Saya membangkitkan perkara ini kerana kasihan melihat ramai yang menjadi mangsa along tanpa sebarang pembelaan. Lebih malang lagi, mereka yang terjerat dan terjebak dalam cengkaman along adalah orang Melayu.

Ceti haram terus hidup kerana permintaan peniaga dan penjaja kecil yang terlalu sukar mendapatkan pinjaman daripada bank dan agensi kerajaan berkaitan.

Pada pandangan saya, along ramai. Ini berdasarkan iklan perkhidmatan mereka di akhbar, papan tanda, tiang telefon dan lampu.

Sebenarnya, peniaga kecil terus hidup juga kerana kesediaan along memberikan bantuan kewangan.

Along walaupun mengenakan kadar bunga terlalu tinggi, namun peniaga tiada pilihan bagi meneruskan perniagaan mereka.

Akhirnya apabila tidak dapat membayar hutang, mereka terpaksa berhadapan dengan ancaman along. Peminjam diugut samseng yang diupah along.

Apabila ada yang hendak mengadu perkara itu kepada pihak berkuasa, terutama polis, mereka diugut lagi.

Orang yang meminjam pada prinsipnya perlu membayar balik hutangnya. Tetapi, peniaga kadang kala tidak dapat berbuat demikian kerana perniagaan kurang memberangsangkan. Dalam keadaan begini, mereka terpaksa menanggung bayaran hutang.

Pada pandangan saya, peniaga tidak akan terjerat dalam cengkaman along jika pihak berkuasa atau bank sedia menyediakan sistem pinjaman bagi golongan itu.

Tidak lama dulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyarankan bank supaya menyediakan pinjaman bagi peniaga dan penjaja kecil bagi mengelakkan mereka berhutang dengan along. Tetapi hingga kini, tidak diketahui sama ada saranan itu diterima atau tidak oleh pihak bank.

Dalam usaha memerangi dan mengelakkan orang ramai daripada terus bergantung kepada along, semua pihak perlu memainkan peranan mereka.

Bank dan agensi kerajaan berkaitan boleh memberikan bantuan kewangan, sementara peminjam perlu lebih bertanggungjawab dalam menjelaskan pinjaman mereka.

Jika ada jaminan itu, saya pasti pihak terbabit berkeyakinan untuk memberi pinjaman kepada peniaga dan penjaja kecil.

ANUAR AHMAD,

Batu Pahat, Johor.